

SEGERA DENGAN FAKS

Ruj. Kami : JPN.PT:163/2/3 Klt.34 (65)
Tarikh : 10 Februari 2016

**Ketua Pengarang
Sinar Harian**

Tuan,

MAKLUM BALAS ADUAN AKHBAR SINAR HARIAN BERTAJUK "EMPAT BERADIK TAK SEKOLAH KERANA TIADA KAD PENGENALAN" BERTARIKH 3 FEBRUARI 2016, RABU – M.S: 11 (UTARA)

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada aduan mengenai perkara di atas.

2. Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) ingin menjelaskan isu yang dibangkitkan oleh Puan Shamsinar Din berkenaan empat orang anak tiri beliau yang masih belum memiliki Kad Pengenalan.

3. Ingin dimaklumkan, hasil semakan mendapati keempat-empat anak tiri beliau tidak pernah dikeluarkan sebarang dokumen pengenalan diri. Sehubungan dengan itu, pada 2.2.2016 jam 10 pagi JPN Perlis telah hadir ke rumah beliau bagi memberikan empat set borang Daftar Lewat Kelahiran untuk dilengkapkan. Borang Daftar Lewat Kelahiran yang telah dilengkapkan beserta dokumen sokongan perlulah dikemukakan di JPN Perlis bagi membolehkan permohonan tersebut diproses berdasarkan peraturan sedia ada.

Sekian, terima kasih

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah.

(FARA MAYA BINTI AHMAD JELANI)

Pegawai Perhubungan Awam,
b.p Ketua Pengarah,
Jabatan Pendaftaran Negara,
Malaysia.

☎ : 03-88807077

☎ : 03-88808288

✉ : pro@jpn.gov.my

s.k.:
1. YBhg. Dato' KPPN
2. YBhg. Datin Seri TKPPN (P)
3. YBrs. Tuan TKPPN (O)
4. YBrs. Tuan TKPPN (ICT)